

# Taman Tugu lindungi spesies

**T**AMAN Tugu yang merupakan satu projek taman rimbah kota di tengah-tengah ibu negara yang bakal menampilkan pelbagai kemudahan bertaraf dunia.

Itu adalah suatu usaha kerajaan untuk memenuhi keperluan penduduk bandar raya Kuala Lumpur bagi menikmati suasana hutan hujan tropika sebenar untuk pembelajaran dan rekreasi.

Beberapa zon khusus dalam kawasan 26.7 hektar atau 66 ekar ini akan dibangunkan kemudahan moden sesuai dengan matlamatnya menjadikan Taman Tugu sebagai taman rekreasi dan pembelajaran dalam hutan hujan tropika sebenar bagi penduduk Kuala Lumpur serta pelancong tempatan dan luar negara.

Selain keperluan untuk rekreasi dan pembelajaran, Taman Tugu ini juga sesuai dengan deklarasi Sidang Kemuncak Mengenai Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992 apabila Malaysia telah menyokong Agenda Tempatan 21 (LA21).

Program LA21 memberi tumpuan kepada kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT), masyarakat dan sektor swasta ke arah pembangunan mampan. Jika dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, mampu mewujudkan persekitaran yang selesa, selamat dan harmoni serta melahirkan sebuah masyarakat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Projek Taman Tugu seluas 26.7 ha telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini sebagai Taman Hutan Hujan

**ralat & rawat**

Bersama  
DR. AHMAD ISMAIL



Tropika yang unik dan menjadi ikon Kuala Lumpur.


Beliau mengharapkan taman tersebut setanding dengan taman-taman utama di dunia seperti Hyde Park di London atau Central Park Di New York dari segi keunikannya.

Taman Tugu tersebut mungkin akan mempamerkan suatu yang lebih daripada itu kerana keunikan hutan hujan tropika dan Malaysia sebagai negara biodiversiti mega.

Keunikan ini sudah tentu akan menjadi tarikan utama pelancong di Kuala Lumpur sesuai dengan kedudukannya.

Kekayaan kepelbagaiannya flora dan fauna di Malaysia boleh diwakili Taman Tugu yang akan dibangunkan ini. Di samping memberi perkhidmatan tentang pembelajaran kepelbagaiannya biologi ia juga dapat menerangkan kepada umum tentang pentingnya hutan hujan tropika tentang ekologi serta kepentingannya kepada manusia seperti perubahan cuaca, perubatan, pertanian, kosmetik,

Antara burung taman yang biasa dilihat ialah merbah jambul, murai kapur, pekaka, kelicap, belutuk, dendang selayang gembala kerbau, tiong hutan, perleng mata merah, tekukor, merbok, ruak-ruak, pipit, ciak, helang kuik dan helang sewha.



RAKYAT Malaysia sepertutnya menghargai kekayaan kepelbagaiannya biologi yang dimiliki.

kesihatan, perabot dan ekonomi amnya.

Taman Tugu apabila siap nanti akan mempunyai lebih 5,000 batang pokok yang mewakili pokok hutan hujan di negara ini. Buat masa ini hampir 1,000 pokok sudah pun dikenal pasti.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Persatuan Pecinta Alam Malaysia (MNS), menyumbang kepakaran dalam mengenal pasti pokok-pokok dan fauna dalam proses pembangunan kawasan taman tugu tersebut.

Antara pokok yang menjadi tarikan untuk di tanam di Taman Tugu adalah pokok merbau. Kayu merbau

merbau

terkenal tahan lama serta tahan daripada serangan anai-anai. Kayu merbau juga boleh digunakan untuk mengextrak pencelup, dengan kulit dan daunnya juga digunakan sebagai ubat tradisional. Pokok merbau tumbuh di kawasan Asia Tenggara serta pulau-pulau.

Nama botani pokok merbau ialah *Intsia bijuga* yang boleh tumbuh sehingga lebih kurang 50 meter tinggi dan memiliki akar banir pada pangkal pokoknya. Oleh kerana kualiti dan keunikan kayunya maka permintaan terhadap pokok merbau tinggi dan banyak pokok merbau telah ditebang. Pokok merbau di kebanyakan negara sudah hampir pupus. Usaha pihak Taman Tugu ini juga adalah sebagai program pemuliharaan pokok merbau. Pokok ini di samping



kepelbagaiannya burung akan berubah apabila keadaan habitatnya diubah suai misalnya daripada hutan sekunder kepada hutan pokok getah atau sebaliknya. Adalah diharapkan Taman Tugu ini akan menarik burung taman yang biasa dilihat untuk tujuan

perancangan dan pembangunan Taman Tugu mestilah merujuk kepada pakar berkaitan seperti ahli sains ekologi, botani, hidupan liar, landskap, arkitek, pendidikan, pelancongan, pengurusan taman dan lain-lain yang berkepentingan agar selaras dengan objektif asal.

Kehilangan habitat dan pencemaran boleh mengancam populasi tumbuhan dan haiwan tersebut. Apa yang berlaku di negara maju telah membuktikan dengan pembangunan yang pesat mereka hilang kekayaan kepelbagaiannya biologi.

Malaysia yang masih mempunyai kepelbagaiannya biologi yang tinggi sepertutnya mengambil iktibar daripada kesilapan negara maju dengan memulihara hutan yang ada.

Langkah kerajaan melindungi dan pemuliharaan hutan Taman Tugu adalah suatu inisiatif yang baik. Adalah diharapkan segala pembangunan yang dirancang tentang Taman Tugu ini berterusan memenuhi objektifnya. Sepanjang

pokok-pokok lain akan ditanam di tempat yang khusus di Taman Tugu mengikut kesesuaian berasaskan keadaan semula jadi atau fungsinya.

Burung juga adalah antara haiwan yang diminati dan menarik minat pelancong.

Ramai penggemar burung yang suka memerhati dan merakamkan gambar burung pada habitat semula jadi.

Taman Tugu ini juga boleh menyumbang kepada program pemuliharaan burung taman.

Apabila keadaan hutan sudah stabil ia akan menarik burung-burung dari kawasan sekitar untuk datang. Pembangunan pesat Kuala Lumpur dan kawasan sekelilingnya serta kesibukan aktiviti manusia akan memaksa burung berpindah ke kawasan hutan yang stabil dan kurang gangguan.

Mungkin juga burung lain yang unik dan mudah beradaptasi dengan habitat manusia juga akan datang ke kawasan Taman Tugu ini.

Adalah kajian sebelumnya di sekitar Kuala Lumpur yang menerangkan tentang populasi burung. Misalnya laporan jurnal *Biological Conservation 1984* menceritakan tentang struktur komuniti burung di Bukit Kiara pinggir bandar raya Kuala Lumpur.

Kepelbagaiannya burung akan berubah apabila keadaan habitatnya diubah suai misalnya daripada hutan sekunder kepada hutan pokok getah atau sebaliknya. Adalah diharapkan Taman Tugu ini akan menarik burung taman yang biasa dilihat untuk tujuan

pemuliharaan dan pembelajaran. Populasi burung di kawasan Taman Tugu ini boleh disokong oleh kawasan berhampiran seperti Bukit Persekutuan dan Taman Tasik Perdana. Kawasan Bukit Persekutuan juga mempunyai banyak kelebihannya sekiranya ia dapat disimpan dan dipulihara.

Kawasan hutan Bukit Persekutuan ini lebih stabil dan mempunyai rumah-rumah kerajaan yang boleh dijadikan bahan sejarah. Malah kawasan Bukit Persekutuan ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sekiranya kawasan Bukit Persekutuan Taman Tasik Perdana dan Taman Tugu digabungkan akan dapat memberikan kawasan hutan tropika yang sebenar menggambarkan kepelbagaiannya biologi negara di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur.

Kajian menunjukkan hubungan yang rapat antara kawasan terbuka, hijau dengan kesihatan mental manusia. Dengan kehadiran kepelbagaiannya biologi dan hidupan liar, ia boleh memberi kesan psikologi kepada manusia dan boleh menjadi suatu kaedah rawatan kesihatan.

Kepelbagaiannya biologi merujuk kepada semua kehidupan daripada tumbuhan-tumbuhan dan haiwan yang besar hingga mikroorganisma.

## Hilang habitat populasi terancam

**P**EMBANGUNAN pesat bandar raya Kuala Lumpur telah mengancam kehidupan flora dan fauna sama ada dari segi kehilangan habitat atau kesan pencemaran yang terus berlaku.

Kehilangan habitat dan pencemaran boleh mengancam populasi tumbuhan dan haiwan tersebut. Apa yang berlaku di negara maju telah membuktikan dengan pembangunan yang pesat mereka hilang kekayaan kepelbagaiannya biologi.

Malaysia yang masih mempunyai kepelbagaiannya biologi yang tinggi sepertutnya mengambil iktibar daripada kesilapan negara maju dengan memulihara hutan yang ada.

Langkah kerajaan melindungi dan pemuliharaan hutan Taman Tugu adalah suatu inisiatif yang baik. Adalah diharapkan segala pembangunan yang dirancang tentang Taman Tugu ini berterusan memenuhi objektifnya. Sepanjang

masa hadapan tentang kepelbagaiannya biologi dan kepentingannya kepada manusia.

Maka hasrat membina suatu pusat pendidikan hutan hujan tropika yang bertaraf dunia sangat sesuai dengan masyarakat masa hadapan Kuala Lumpur.

Dengan menyediakan modul yang terbaik pusat ini akan membantu mengetengahkan pendidikan sains dan teknologi di samping memperkasa ilmu geografi, sejarah, kemahiran hidup, ekologi dan kepelbagaiannya biologi.

Dalam masa sama, ia meningkatkan kefahaman tentang keharmonian manusia dengan alam semula jadi dan memberikan pembelajaran melalui amali. Komitmen kerajaan dengan Taman Tugu ini juga sebahagian daripada program Transformasi Nasional 2050 (TN50).

*Journal of Sustainable Development 2014 melaporkan Malaysia hilang Harimau Malaya di kawasan asal mereka kerana kehilangan habitat*

Dalam masa 30 tahun lepas, hutan Malaysia berkang hampir 20 peratus kerana ditukar kepada pertanian untuk tanaman getah dan sawit.

Menurut laporan itu lagi, pembangunan fizikal memberi kesan kepada 300 mamalia, 750 burung, 350 reptilia, 165 spesies amfibia dan lain-lain termasuk invertebrata.



**SPESIES** tumbuhan-tumbuhan bernilai untuk pelbagai kegunaan perubatan. — GAMBAR HIASAN